

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEBELAS
19 NOVEMBER 2007**

PERKARA : 4(B)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

9. Apakah langkah spesifik yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mempromosikan program Malaysia, *My Second Home* pada tahun 2008. Adakah Pulau Jerejak akan dibangunkan sebagai suatu destinasi Malaysia, *My Second Home*. Jika ya, siapakah yang akan bertanggungjawab dan jika tidak, mengapa.

**- Y.B. ENCIK TENG CHANG YEOW MENJAWAB BAGI PIHAK
Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (i) Pelbagai langkah spesifik diambil bagi mempromosi program *Malaysia my Second Home*. Pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan Pulau Pinang memperoleh keuntungan daripada program ini. Antara program-program yang diadakan ialah seperti berikut:
- (a) Seminar *Malaysia My Second Home* yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia bersama dengan Pusat MM2H ke negara-negara sasaran iaitu United Kingdom, Jepun dan Korea sekurang-kurangnya 2 kali setahun di Bandar yang berbeza;
 - (b) Penglibatan di dalam pameran/acara dalam Negara dan antarabangsa yang dianjurkan oleh pihak swasta;

- (c) Penglibatan di dalam misi promosi yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia;
- (d) Seminar *Malaysia my Second Home* di dalam negara yang dianjurkan oleh persatuan, pihak swasta atau syarikat-syarikat MM2H;
- (e) Pembangunan laman *web* pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Perancis, German, Itali, Arab dan Mandarin untuk pasaran berkaitan;
- (f) Hebahan mengenai program melalui brochure pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (g) Penerbitan DVD mengenai program ini di dalam versi Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (h) Wawancara mengenai program ini oleh media massa tempatan mahupun luar negara (The Star Sdn. Bhd, Real TV Seoul, Zealous Co. Ltd);
- (i) Penulisan/penerbitan artikel berkaitan MM2H di dalam media cetak yang akan dikenalpasti oleh Tourism Malaysia; dan
- (j) FAM Tour yang akan dianjurkan bersama oleh Tourism Malaysia dan Pusat MM2H.

Untuk tahun 2008, usaha-usaha mempromosi program ini akan diteruskan lagi dengan meneruskan program seminar ke negara-negara sasaran dan akan memperluaskan skop seminar ke negara-negara sasaran kedua.

- (ii) Kerajaan Negeri tidak ada cadangan pada masa terdekat ini untuk memajukan Pulau Jerejak sebagai destinasi *Malaysia My Second Home*. Pulau Jerejak lebih sesuai sebagai sebuah destinasi eko-pelancongan kerana keadaan geografinya. Sebahagian besar Pulau Jerejak akan digazetkan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Di bawah perancangan NCER, ia dikenalpasti sebagai destinasi pelancongan perubatan.